

**KATA-KATA ALUAN OLEH
YAB DATO' SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI
DI BUDGET CONSULTATION 2005 - SESI II (07-05-2004)
DI KEMENTERIAN KEWANGAN, PUTRAJAYA
7 MEI 2004**

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YB MENTERI KEWANGAN II

YBHG. KETUA SETIAUSAHA NEGARA

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT

SAUDARA-SAUDARI YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

1. SEMALAM SAYA TELAH MEMPENGERUSIKAN MAJLIS BUDGET CONSULTATION 2005 SESI PERTAMA. IA MERUPAKAN SATU PENGALAMAN BARU BAGI SAYA DALAM MEMPENGERUSIKAN MAJLIS SEPERTI INI, YANG DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI DIALOG BAJET.

2. SAYA GEMBIRA DAN PUAS HATI SESI SEMALAM TELAH BERJALAN DENGAN BAIK DAN LANCAR. SEPERTIMANA YANG TELAH SAYA UMUMKAN, SAYA TELAH MENGAMBIL KEPUTUSAN UNTUK MENGUBAH FORMAT KALI INI KEPADA MAJLIS "BUDGET CONSULTATION" DENGAN HARAPAN KITA SEMUA MENDAPAT LEBIH MANFAAT DARIPADA BERINTERAKSI DAN BERKONGSI PENDAPAT. DENGAN FORMAT BARU INI, SEKTOR SWASTA SERTA PIHAK-PIHAK LAIN DAPAT MEMBERI INPUT YANG LEBIH MENDALAM DAN BERMAKNA, MANAKALA PIHAK KERAJAAN BERPELUANG UNTUK TURUT MEMBERIKAN PANDANGANNYA.

3. JUSTERU ITU, SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH DI ATAS KESUDIAN SAUDARA DAN SAUDARI MELUANGKAN MASA UNTUK HADIR DI SESI PADA HARI INI. PROSES INI AMAT PENTING BAGI KERAJAAN KERANA DENGAN PEMBENTANGAN DAN PERBINCANGAN, KITA DAPAT MELAHIRKAN PANDANGAN YANG LEBIH KONSTRUKTIF SERTA MENCAMBAH IDEA-IDEA YANG MUNGKIN BOLEH MEMBANTU KERAJAAN MERANGKA DASAR DAN STRATEGI BAJET TAHUNAN YANG LEBIH MANTAP.

SESI I

4. SESUNGGUHNYA, SAYA BERASA MAJLIS CONSULTATION SEPERTI INI DAPAT MENERATKAN HUBUNGAN KERJASAMA SEMUA PIHAK DALAM MENDUKUNG SEMANGAT PERSYARIKATAN MALAYSIA (MALAYSIA INC.) YANG LEBIH KUKUH.

5. PADA SESI SEMALAM, BANYAK INPUT DAN SARANAN YANG TELAH DIKEMUKAKAN, DI ANTARANYA TERMASUK ISU-ISU EKONOMI MAKRO DAN STRUKTUR YANG MENJADI TUMPUAN UTAMA. ANTARA PERKARA YANG DIBANGKITKAN IALAH:

- I. TINDAKAN MENYUSUN STRATEGI MENGHADAPI CABARAN BARU YANG DIBAWA OLEH ARUS GLOBALISASI DAN LIBERALISASI;
- II. PERBINCANGAN MENGENAI SUMBER PENDAPATAN DAN KEKAYAAN BARU;
- III. PENGGUBALAN DASAR FISKAL DAN KEWANGAN YANG BERKESAN DAN BERHEMAT TANPA MENJEJASKAN KERANCAKKAN KEGIATAN EKONOMI SEMASA;
- IV. PERKARA-PERKARA YANG BERKAIT DENGAN CUKAI DAN INSENTIF;
- V. PENINGKATKAN KAPASITI SUMBER MANUSIA; DAN
- VI. KEDUDUKAN SISTEM KAWALAN MATAWANG.

SESI II

6. SESI KEDUA PADA HARI INI PULA AKAN MEMBERI TUMPUAN KEPADA ISU-ISU SEKTORAL DAN INDUSTRI DALAM EKONOMI. ISU-ISU MIKRO-EKONOMI INI PERLU DITELITI DAN DIAMBIL TINDAKAN UNTUK MEMASTIKAN SEMUA SEKTOR-SEKTOR EKONOMI NEGARA DAPAT TERUS MEMBANGUN DAN MELANGKAH MAJU. DI SINI, SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN MERAKAMKAN PENGHARGAAN KEPADA SEMUA YANG TELAH MENGEMUKAKAN MEMORANDUM KEPADA KEMENTERIAN. SEMUA CADANGAN DAN ISU YANG DIKEMUKAKAN AKAN DIKAJI DAN DITELITI, DAN YANG MANA DIDAPATI SESUAI AKAN DIAMBILKIRA DALAM PENYEDIAAN BAJET 2005 YANG AKAN DIBENTANGKAN DI PARLIMEN PADA 10 SEPTEMBER NANTI.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

PROSPEK KESELURUHAN 2004

7. SEPERTI YANG TELAH SAYA KATAKAN SEMALAM, EKONOMI GLOBAL DIJANGKA MENJADI LEBIH KUKUH PADA TAHUN INI BERBANDING TAHUN LALU. NEGARA KITA MERUPAKAN SEBUAH NEGARA YANG BERLANDASKAN PERDAGANGAN, DAN SUASANA EKONOMI DUNIA YANG LEBIH KUKUH SUDAH TENTU DAPAT MENYUMBANG KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI DOMESTIK YANG LEBIH PESAT PADA TAHUN INI DAN SETERUSNYA.

8. KEADAAN INI JELAS DILIHAT SEJAK AWAL TAHUN INI, DI MANA PRESTASI EKONOMI NEGARA AMAT MEMBERANGSANGKAN DARI PELBAGAI ASPEK TERMASUK PERTUMBUHAN KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (K.D.N.K.), KEKUKUHAN ASAS EKONOMI DAN SEKTOR PERBANKAN SERTA PRESTASI PASARAN SAHAM YANG MANTAP.

9. SEBAGAIMANA YANG TELAH SAYA NYATAKAN DALAM SESI PERTAMA SEMALAM, PERTUMBUHAN NEGARA YANG DIRANGSANG DARI SUMBER DOMESTIK MEMERLUKAN TRANSFORMASI STRUKTUR EKONOMI YANG LEBIH PANTAS. KITA TELAH PUN MENYATAKAN HASRAT UNTUK BERALIH MENJADI NEGARA PENGELUAR PRODUK DAN PERKHIDMATAN YANG MEMPUNYAI NILAI DITAMBAH TINGGI.

10. INI BERMAKNA:

- I. KITA PERLU MENINGKATKAN KEUPAYAAN MENCIPTA DAN INOVASI. INI DISEBABKAN KITA MASIH BERADA DI TAHAP "ADOPTER" DAN "ADAPTER" TEKNOLOGI TETAPI MASIH BELUM DI TAHAP LEBIH KREATIF BERDASARKAN TANGGA INOVASI BUAT MASA INI;
- II. KITA JUGA PERLU MENGURANGKAN INPUT BURUH DALAM PENGELUARAN.
- III. KITA MESTI MEMPUNYAI KESANGGUPAN UNTUK MENEROKA DAN BERANI UNTUK MENGHADAPI RISIKO, SEKALIPUN DALAM BIDANG YANG SANGAT MENCABAR. KITA SEHARUSNYA MEMPUNYAI KEAZAMAN DAN MENGUKUHKAN TEKAD UNTUK BERJAYA BERSAING DENGAN SEMUA PIHAK, TERMASUK DENGAN PELBAGAI "GLOBAL PLAYER".

11. KITA MESTI SEDAR BAHAWA NEGARA INI DIKURNIAKAN SUMBER SEMULAJADI YANG PELBAGAI, KEAMANAN DAN KESTABILAN POLITIK SERTA KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR YANG SEDIKIT SEBANYAK MENANDINGI NEGARA-NEGARA TERMAJU DUNIA. SEMUA INI MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARI "ENABLING ENVIRONMENT" YANG TELAH DISEDIAKAN BAGI MENYOKONG USAHA SEKTOR SWASTA.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

PRESTASI SEKTORAL

12. SEKTOR PERKHIDMATAN MERUPAKAN SEKTOR TERBESAR EKONOMI NEGARA DENGAN SUMBANGAN 56% KEPADA K.D.N.K.. SEKTOR INI MEMPUNYAI POTENSI YANG SANGAT BESAR UNTUK DIMAJUKAN TERUTAMANYA DI DALAM BIDANG PELANCONGAN, PENDIDIKAN, KESIHATAN, PENGANGKUTAN, TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (I.C.T.), SERTA PROFESSIONAL DAN PERUNDINGAN.

13. PADA TAHUN LEPAS:

- I. SEKTOR PELANCONGAN TELAH TERJEJAS BERIKUTAN SUASANA PERSEKITARAN LUAR YANG TIDAK MENENTU KESAN DARIPADA PEPERANGAN IRAQ DAN WABAK SARS. NAMUN, SEKTOR INI TELAH KEMBALI MENCATAT PENINGKATAN YANG TINGGI DENGAN KETIBAAN PELANCONG SECARA PURATA BERJUMLAH 1.3 JUTA ORANG SETIAP BULAN DALAM TEMPOH SUKU PERTAMA TAHUN INI, IAITU MELEBIHI PURATA BULANAN SERAMAI 0.9 JUTA PELANCONG PADA TAHUN 2003;

- II. SEKTOR PENDIDIKAN PULA MENCATAT PENAMBAHAN JUMLAH PELAJAR ASING KEPADA HAMPIR 40,000 PENUNTUT DARIPADA 162 BUAH NEGARA DI HUJUNG TAHUN 2003;
- III. SEKTOR KESIHATAN TELAH MENARIK PESAKIT ASING YANG INGIN MENDAPATKAN RAWATAN DI NEGARA INI BERIKUTAN KOS RAWATAN YANG KOMPETITIF DAN PERKHIDMATAN YANG BAIK;

14. JUSTERU ITU, SAYA YAKIN SEKTOR PERKHIDMATAN AKAN MEMAINKAN PERANAN YANG SEMAKIN PENTING DI MASA-MASA AKAN DATANG, SEJAJAR DENGAN PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN NEGARA. OLEH ITU, SAYA BERHARAP SESI INI AKAN MENAMPILKAN IDEA-IDEA DAN CADANGAN-CADANGAN YANG BERNAS BAGI MENINGKATKAN LAGI SUMBANGAN SEKTOR PENTING INI.

15. DALAM PADA ITU, PADA TAHUN LEPAS, SEKTOR PEMBUATAN TELAH MENYUMBANG SEBANYAK 31% KEPADA K.D.N.K. NEGARA. SEKTOR INI MASIH MERUPAKAN SEKTOR YANG PENTING KEPADA EKONOMI TEMPATAN WALAUPUN TERTEDAH KEPADA SAINGAN YANG SENGIT DARI NEGARA SERANTAU YANG LAIN. SEKTOR INI TELAH:

- I. MEMPEROLEHI PENINGKATAN YANG KETARA PADA PERTENGAHAN TAHUN KEDUA 2003 HASIL DARI PENINGKATAN EKONOMI DUNIA SECARA KESELURUHAN DAN PERMINTAAN DALAM NEGARA YANG KUKUH;
- II. MENGALAMI PERTUMBUHAN YANG GIAT DALAM PENGHASILAN PRODUK DITAMBAH NILAI SEBANYAK 8.2% BERBANDING 4% PADA TAHUN 2002.

16. OLEH ITU, SAYA BERHARAP SESI INI AKAN MENYUMBANG PELBAGAI PANDANGAN DAN PENDAPAT BAGI MENINGKATKAN LAGI PRESTASI SEKTOR PEMBUATAN DALAM EKONOMI NEGARA, TERUTAMANYA DARI SEGI PENAMBAHAN NILAI, PRODUKTIVITI DAN R&D.

17. DALAM PADA ITU, KERAJAAN TELAH MENGGUBAL DASAR SUPAYA SEKTOR PERTANIAN MENJADI ENJIN PERTUMBUHAN YANG KETIGA NEGARA. DALAM TAHUN 2003, SEKTOR INI:

- I. TELAH MENCAPAI PERTUMBUHAN YANG TINGGI SEBANYAK 5.5 PERATUS;
- II. MENCATATKAN PERTUMBUHAN TERTINGGI SEJAK 11 TAHUN LALU BERIKUTAN PRESTASI EKSPORT DAN HARGA KOMODITI YANG BAIK TERMASUK PENINGKATAN KECEKAPAN PENGELUARAN DAN PRODUKTIVITI LADANG-LADANG KITA; DAN
- III. MENCAPAI HASIL DARI LANGKAH-LANGKAH PENINGKATAN PENGELUARAN MAKANAN TERMASUK MENUBUHKAN TABUNG MAKANAN.

18. SEBENARNYA, BANYAK PERKARA YANG HARUS DIUSAHAKAN LAGI BAGI MEMBANGUNKAN SEKTOR PERTANIAN NEGARA, TERUTAMANYA DALAM BIDANG TANAMAN MAKANAN. WALAUPUN SEKTOR INI MEMPUNYAI PELBAGAI POTENSI, NAMUN IANYA TIDAK TERSERLAH JIKA DILIHAT DARIPADA IMEJ SEKTOR PERTANIAN YANG MUNGKIN DIANGGAP SEBAGAI MUNDUR, KAIS PAGI MAKAN PAGI ("SUBSISTENCE") DAN TIDAK DINAMIK. INI BANYAK BERPUNCA DARI SEJARAH DAN

PENGALAMAN SEKTOR PERTANIAN SEKIAN LAMA, YANG BANYAK BERGANTUNG KEPADA CARA-CARA KERJA DAHULU YANG MUNGKIN KURANG PRODUKTIF.

19. JUSTERU ITU, KITA PERLU MENYUSUN SEMULA SEKTOR INI SUPAYA LEBIH KOMERSIL DAN MENGGUNAPAKAI KAEDAH-KAEDAH MODEN. WALAUPUN BEGITU, SAYA DIFAHAMKAN PIHAK SWASTA SECARA AMNYA KURANG YAKIN UNTUK MELABUR DALAM BIDANG INI KERANA SEBAB-SEBAB SEPERTI RISIKO YANG DIANGGAP TINGGI, MASALAH SISTEM PEMASARAN DAN LOGISTIK, KESUKARAN MENDAPAT TANAH DAN KEKURANGAN KREDIT SERTA INSENTIF. MINAT PIHAK SWASTA TERHADAP INDUSTRI PEMROSESAN BERASASKAN PERTANIAN JUGA BOLEH DIKATAKAN KURANG MENGGALAKKAN.

20. BAGI MENJAYAKAN SEKTOR PERTANIAN SERTA INDUSTRI BERASASKAN PERTANIAN, SAYA MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN BERSEDIA MEMPERTIMBANGKAN LANGKAH-LANGKAH BARU BAGI MENARIK MINAT PELABUR DAN PENGUSAHA PERTANIAN, BAIK YANG BESAR MAHUPUN YANG KECIL DAN SEDERHANA. LANGKAH-LANGKAH INI MUNGKIN MERANGKUMI PAKEJ INSENTIF, PENGURANGAN RISIKO PELABURAN, KEMUDAHAN KREDIT BERDASARKAN ALIRAN TUNAI ("CASHFLOW") DAN LAIN-LAIN LAGI. INFRASTRUKTUR YANG SECUKUPNYA AKAN CUBA DIUSAHAKAN, CONTOHNYA SISTEM PEMASARAN DAN LOGISTIK YANG BAIK. DALAM MENGGEMBELING SEMUA USAHA-USAHA INI, KEMENTERIAN PERTANIAN AKAN MEMAINKAN PERANAN UTAMA SEBAGAI PENGGERAK DAN PEMUDAHCARA, DENGAN SOKONGAN KEMENTERIAN-KEMENTERIAN LAIN SEPERTI PERBENDAHARAAN.

21. SELARAS DENGAN ITU, SAYA TELAH MEMINTA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KEMENTERIAN KEWANGAN UNTUK MENKKAJI SEMULA KEMUDAHAN YANG SEDIA ADA DAN MEMBERI CADANGAN-CADANGAN BAGI MEMPERBAIKI KADAR PELABURAN SWASTA DALAM SEKTOR PERTANIAN SERTA INDUSTRI BERASAS PERTANIAN. SAYA JUGA TELAH MEMINTA SEMUA KERAJAAN NEGERI KHUSUSNYA MENTERI-MENTERI BESAR DAN KETUA-KETUA MENTERI UNTUK MEMBERI PERHATIAN YANG KHUSUS BAGI MEMBANGUNKAN LAGI SEKTOR PERTANIAN DI NEGERI MASING-MASING.

22. JUSTERU ITU, SAYA BERHARAP SAUDARA DAN SAUDARI AKAN TURUT MEMBERIKAN INPUT DAN CADANGAN BAGAIMANA KITA DAPAT TERUS MEMBANGUNKAN SEKTOR INI, TERUTAMANYA DALAM MENINGKATKAN PENGLIBATAN PIHAK SWASTA DALAM AKTIVITI PERTANIAN. PENINGKATAN SEKTOR INI BUKAN HANYA MAMPU UNTUK MENGHASILKAN PENDAPATAN DAN KEKAYAAN BARU BAGI NEGARA, MALAH DAPAT MEMPERBAIKI KUALITI HIDUP PELBAGAI GOLONGAN, TERUTAMANYA MEREKA YANG BERADA DI KAWASAN LUAR BANDAR.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

PELABURAN TEMPATAN

23. DALAM BAJET 2004, KERAJAAN TELAH MENEKANKAN KEPENTINGAN PELABURAN

TEMPATAN DI SAMPING TERUS BERUSAHA UNTUK MENARIK PELABURAN LANGSUNG ASING YANG BERKUALITI. LANGKAH INI DIAMBIL MEMANDANGKAN NEGARA MEMPUNYAI SUMBER PERTUMBUHAN YANG PELBAGAI DI SAMPING TAHAP KECAIRAN MATAWANG ("LIQUIDITY") YANG TINGGI. LANGKAH-LANGKAH PENGGALAKKAN TELAH PUN DIAMBIL BAGI MENINGKATKAN PERTUMBUHAN SEKTOR-SEKTOR YANG DISASARKAN.

24. SELAIN ITU, KITA AKAN TURUT MENGEMBANGKAN USAHA UNTUK MEWUJUDKAN LEBIH BANYAK PRODUK BARU BERJENAMA MALAYSIA YANG MEMPUNYAI KUALITI BERTARAF DUNIA. INI MAMPU MEMBERI ERTI KEPADA USAHA-USAHA KITA UNTUK MENJADIKAN NEGARA SEBAGAI SEBUAH "TRUE TRADING NATION".

25. OLEH YANG DEMIKIAN, DALAM SUASANA EKONOMI YANG KINI KEMBALI MEMBERANGSANGKAN:

- I. KERAJAAN INGIN MELIHAT SEKTOR SWASTA MEMAINKAN SEMULA PERANANNYA SEBAGAI PENGGERAK UTAMA PERTUMBUHAN EKONOMI;
- II. SEKTOR AWAM, YANG TELAH MENGGALAKKAN PEMULIHAN EKONOMI SEMENJAK KRISIS KEWANGAN ASIA DENGAN MELAKSANAKAN DASAR FISKAL YANG MENGEMBANG, PERLU MENJADI LEBIH BERHEMAT DAN TIDAK BOLEH BERTERUSAN UNTUK MELAKSANAKAN PENDEKATAN TERSEBUT;
- III. WALAUBAGAIMANAPUN, SEKTOR AWAM AKAN TERUS MEMBERI DORONGAN DAN SOKONGAN MELALUI SISTEM PERKHIDMATAN YANG LEBIH EFISYEN DAN EFEKTIF KEPADA SEKTOR SWASTA;
- IV. KERAJAAN AKAN BERUSAHA UNTUK MEMPERBAIKI SISTEM PENYAMPAIAN SEKTOR AWAM SERTA AKAN BEKERJASAMA DAN MENJADI LEBIH RESPONSIF UNTUK MEMPERTINGKATKAN LAGI KEGIATAN EKONOMI;
- V. HASRAT INI ADALAH TEPAT SEKALI DENGAN TEMA MAJLIS BUDGET CONSULTATION YANG DIPILIH PADA TAHUN INI, IAITU "PERKONGSIAN SEKTOR AWAM DAN SWASTA KE ARAH MENINGKATKAN PRESTASI DAN DAYA SAING MALAYSIA".

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

PEMBENTANGAN

26. UNTUK MEMULAKAN SESI KEDUA BUDGET CONSULTATION 2005 INI, SAYA DENGAN SUKACITANYA MEMPERSILAKAN YANG BERBAHAGIA DATO' SULAIMAN DAUD UNTUK MENYAMPAIKAN PANDANGAN.

27. HARUS DIPERINGATKAN BAHAWA SETIAP PEMBENTANGAN DIBERI MASA TIDAK MELEBIHI 10 MINIT BAGI MEMBOLEHKAN LEBIH RAMAI PENYERTAAN. SAYA BERHARAP SAUDARA DAN SAUDARI TIDAK AKAN KEBERATAN UNTUK MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM SEMUA PERBINCANGAN YANG BERIKUTNYA, DENGAN AKTIF DAN VOKAL.

SEKIAN.

DIPERSILAKAN, DATO' SULAIMAN.